

MAHATHIR :- TELUK

KUALA LUMPUR, 8 SEPT (BERNAMA) -- MALAYSIA BERPENDAPAT KRISIS TELUK BERKEMUNGKINAN AKAN BERLARUTAN, DAN MEMINTA RAKYAT MEMBUAT PERSEDIAAN BAGI MENGHADAPI SEGALA KESAN DARIPADA KRISIS ITU.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, RAKYAT MESTI MENERIMA HAKIKAT BAHAWA KRISIS TELUK MUNGKIN TIDAK DAPAT DISELESAIKAN DALAM JANGKA PENDEK KERANA MASALAH TERSEBUT RUMIT.

KATANYA, INI KERANA DI SATU PIHAK TIDAK MAHU BERUNDUR MANAKALA, DI SATU PIHAK LAIN TIDAK BOLEH MENYERANG, YANG AKAN MEWUJUDKAN KEADAAN KEBUNTUAN.

+TIDAK DAPAT TIDAK, KRISIS ITU AKAN MENDATANGKAN KESAN TERHADAP KENAIKAN HARGA MINYAK,+ KATA PERDANA MENTERI PADA PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO, DI IBU PEJABAT UMNO DI MENARA DATUK ONN, PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, DI SINI HARI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, WALAUPUN KENAIKAN HARGA MINYAK AKAN MENGUNTINGKAN NEGARA, KERANA KESELURUHAN HASIL MINYAK NEGARA DIEKSPORT, TETAPI IA AKAN MENIMBULKAN KESULITAN KEPADA NEGARA-NEGARA MISKIN. --

LAGI - .

1704MST 08 09 90

D119

U B998 A A B

MAHATHIR - TELUK 2 KUALA LUMPUR

+NEGARA KAYA PUN SEKIRANYA TERPAKSA MEMBAYAR HARGA TERLALU TINGGI UNTUK MEMBELI MINYAK AKAN MENJEJASKAN EKONOMI MEREKA,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA, AMERIKA SYARIKAT UMPAMANYA JIKA TERPAKSA MEMBAYAR HARGA TERLALU TINGGI UNTUK MINYAK, EKONOMI MEREKA AKAN MEROSOT, DAN INI AKAN MENJEJASKAN PERDAGANGAN MALAYSIA DENGAN NEGARA ITU SERTA ANTARA MALAYSIA DAN NEGARA EROPAH.

+JADI IA AKAN MEMPUNYAI KESAN BURUK KEPADA KITA . . . SEBAB ITU KITA TIDAK SUKA KENAIKAN HARGA MINYAK,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA, HARGA MINYAK SEPATUTNYA NAIK PADAPARAS YANG BERPATUTAN SAHAJA DAN TIDAK TERLALU TINGGI, SAMBIL MENAMBAH KATA BAHAWA KENAIKAN ITU JUGA PERLU SECARA PERLAHAN-LAHAN ATAU SEDIKIT DEMI SEDIKIT.

KETIKA DITANYA MENGENAI KENAIKAN SEBANYAK 0.5 PERATUS KEPADA KADAR ASAS PINJAMAN (BLR), PERDANA MENTERI BERKATA, KENAIKAN TERSEBUT TIDAK AKAN MENDATANGKAN KESAN BURUK KEPADA INDUSTRI BANK DAN KEBOLEHAN ORANG RAMAI MEMINJAM WANG DENGAN BANK. -- LAGI

1708MST 08 09 90

0120

U B000 A A B

MAHATHIR - TELUK 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA, KENAIKAN BLR ITU IALAH KERANA IA BEGITU RENDAH BERBANDING DENGAN BEBERAPA NEGARA LAIN, YANG CUKUP TINGGI TERMASUK BRITAIN SEBANYAK 15 PERATUS:

PERSATUAN BANK-BANK DI MALAYSIA, BARU-BARU INI MENGUMUMKAN KENAIKAN BLR BANK KOMERSIL SEBANYAK 0.5 PERATUS DARIPADA PARAS 6.75 PERATUS, YANG TERENDAH BAGI TEMPOH 20 TAHUN, BAGI DUA BANK UTAMA - MALAYAN BANKING BHD DAN BANK BUMIPUTRA MALAYSIA BHD - DAN TUJUH PERATUS BAGI BANK KOMERSIL LAIN.

KETIKA DITANYA SAMA ADA KERAJAAN TELAH MENGHAPUSKAN SYARAT UMUR UNTUK LAWATAN RAKYAT MALAYSIA KENEGARA CHINA ATAU TIDAK, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, MEREKA YANG BERUMUR KURANG DARIPADA 30 TAHUN MASIH TIDAK DIBENARKAN MELAWAT NEGARA ITU.

BAGAIMANAPUN KATANYA, DALAM KES-KES TERTENTU KERAJAAN AKAN MEMBERI KELONGGARAN SEPERTI UNTUK PERGI MENJALANI RAWATAN PERUBATAN DI NEGARA ITU.